

Buletin



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

e-ISSN: 2600-8289

Zulhijjah 1445H/ Jun 2024

ACIS

HIKMAH DAN FALSAFAH SERTA PERBAHASAN HUKUM BERKENAAN IBADAH HAJI

Panduan Ringkas Hukum Hakam Ibadat Korban 6
Bermazhab dan Bertaklid dalam Islam 7
Kematian yang dicemburui 9

eISSN 2600-8289



9 77 2600 8280 01



USR PDPH: Program Kem Smart Solat

Oleh:

Nur Ainul Najihah binti Zainurin

Pelajar Diploma Pengurusan Halal, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah

Dr Nabilah Huda binti Zaim

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah

Pada 18 dan 19 Mei 2024, Persatuan Diploma Pengurusan Halal telah melaksanakan Program Kem Smart Solat yang bertempat di Sekolah Rendah Agama Seksyen 5 Kota Damansara. Kem ini bertujuan untuk memantapkan lagi bacaan dan cara solat pelajar sekolah supaya solat yang didirikan menjadi lebih sempurna. Sebanyak 60 orang peserta yang terdiri daripada pelajar yang berumur 9 tahun hingga 12 tahun.

Di kem tersebut, fasilitator telah membahagikan pelajar kepada 10 kumpulan dengan mencampurkan semua umur supaya pelajar dapat menambah kenalan dan dapat mengeratkan hubungan silaturrahim antara pelajar.

Sepanjang 3 hari 2 malam di sekolah, pelbagai aktiviti telah dijalankannya antaranya ialah cara berwuduk dan tayamum, cara-cara mandi wajib, kewajipan mencari makanan yang halal, bacaan dalam solat, qiamulail dan explorace.

Para peserta Kem Smart Solat telah menunjukkan kerjasama dan semangat yang sangat luar biasa sepanjang program berlangsung. Para fasilitator juga berjaya mewujudkan persekitaran harmoni yang membuatkan pelajar dapat mencipta kenangan yang manis.

